

# UPM bantu keluarga dua pelajar maut nahas bas

KUALA LUMPUR 25 Ogos - Universiti Putra Malaysia (UPM) membantu keluarga dua pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer, Sia Chin Shin dan Kwan Chin Yii yang terlibat dalam nahas bas di Genting Highlands yang meragut 37 nyawa baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof. Dr. Mohamad Shatar Sabran berkata, sumbangan wang tunai khairat kematian daripada Tabung Kebajikan Pelajar UPM berjumlah RM400 seorang telah diberikan kepada waris kedua-dua pelajar berkenaan.

“Selain itu, UPM juga membantu kos menguruskan jenazah kedua-dua pelajar berjumlah RM3,000.

“Kedua-dua bantuan ini telah diserahkan secara tunai kepada keluarga mangsa oleh wakil Bahagian Hal Ehwal Pelajar yang pergi menziarahi waris,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambah Mohamad Shatar, bantuan manfaat kematian daripada insurans sebanyak RM8,000 seorang akan menyusul selepas ini.

“Seluruh warga UPM berdukacita terhadap tragedi ini terutamanya kerana melibatkan pelajar UPM. Saya berharap keluarga kedua-dua mangsa bersabar atas dugaan ini dan mereka boleh menghubungi pejabat saya bila-bila masa untuk sebarang keperluan berkaitan,” katanya.